

Pengaruh Leksis Peripheral Sanskrit dalam Bahasa Dusun***The Influence of Peripheral Sanskrit Lexis in Dusun Language***Mohd Nor Azan bin Abdullah¹, Musirin bin Mosin²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
10 OGOS 2018	7 OKTOBER 2018	4 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Bahasa Dusun merupakan di antara bahasa etnik yang utama di negeri Sabah. Kini ianya bukan sahaja dituturkan oleh etnik Dusun malah masyarakat daripada etnik lain juga mempelajari dan menuturkan bahasa ini. Kajian ini memfokus kepada penelitian pengaruh bahasa Sanskrit ke atas leksis bahasa Dusun. Penulis akan meneliti leksis bahasa Dusun dan menyenaraikan kosa kata Sanskrit yang diserapkan ke dalam bahasa Dusun. Penulis juga akan membicarakan bagaimana pengaruh bahasa Sanskrit wujud dalam kalangan masyarakat Dusun serta perubahan fonem dalam leksis Sanskrit setelah kosa kata tersebut diterima pakai sebagai perbendaharaan kata bahasa Dusun. Penulis dalam kajiannya mendapati kosa kata serapan leksis Sanskrit yang sering digunakan sahaja disenaraikan dalam kamus << Kadazan Dusun Malay – English >>, contohnya leksis “basa’ (Dusun), baca (Melayu) adalah serapan daripada leksis Sanskrit ‘Vaca’. Terdapat juga beberapa kosa kata dalam bahasa Dusun yang berasal daripada serapan leksis Sanskrit tidak disenaraikan ke dalam kamus tersebut akan tetapi digunakan dalam komunikasi harian dikalangan masyarakat Dusun. Contohnya perkataan ‘Agama’ adalah kosa kata pinjaman penuh daripada leksis Sanskrit. Kajian ini tertumpu kepada beberapa contoh leksis Sanskrit yang diasimilasi ke dalam bahasa Dusun. Metodologi kajian ialah kajian perpustakaan dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa yang berkaitan. Kaedah temu bual juga digunakan untuk mengesahkan penggunaan kata serapan Sanskrit ke dalam bahasa Dusun yang tidak didokumentasikan tetapi digunakan dalam komunikasi harian masyarakat Dusun. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya pengaruh langsung daripada leksis Melayu ke dalam bahasa Dusun yang telah sedia mengadaptasi leksis Sanskrit. Ini kerana keseluruhan alam Melayu merupakan kawasan penyebaran bahasa Melayu sebagai lingua franca. Rumusan kajian menunjukkan bahasa Dusun yang merupakan bahasa yang letaknya dalam rumpun Austronesia, merupakan bahasa yang hidup dan fleksibel serta dapat menerima kata serapan yang datang daripada keluarga bahasa lain. Penyerapan leksis bahasa Sanskrit bukan sahaja memperkayakan lagi kosa kata bahasa Dusun malah menjadikannya sebagai bahasa berilmu yang setara dengan bahasa-bahasa utama di dunia.

Kata Kunci: Pengaruh, Leksis Peripheral, Sanskrit, Bahasa, Dusun.

ABSTRACT

The Dusun language is among the main indigenous languages in Sabah. Today, Dusun is not only spoken by ethnic Dusuns but people from other ethnic groups also learn and speak this

¹ Mohd Nor Azan bin Abdullah. Phd. French-Malay. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah. azan@ums.edu.my

² Musirin bin Mosin. Phd. Malay. Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah. musirin@ums.edu.my

language. This study focuses on the study of the influence of the Sanskrit language on the lexicon of the Dusun language. The authors will examine the Dusun lexicon and list words which have Sanskrit influence. The authors will also discuss how the influence of Sanskrit exists among the Dusun community as well as phonemic changes in the Sanskrit word after it is adopted into Dusun vocabulary. In their study, the authors found that only the most common Sanskrit absorbed into Dusun that make it into the Kadazan-Dusun-Malay-English dictionary. For example, the lexis “basa” (Dusun), “baca” (Melayu) was borrowed from Sanskrit “vaca”. There are also some vocabulary in Dusun language that are derived from the Sanskrit but not listed in the dictionary and yet they are used in daily communication among the Dusun community. For example, the word ‘agama’ is a complete loan from Sanskrit. This study focused on several examples of Sanskrit assimilated in the Dusun language. This study utilized reference materials i.e. relevant books and grammar documents. The interview method was also used to confirm the Dusun words with Sanskrit influence are in effect present in Dusun daily conversation. The findings show that there is direct influence of Malay lexicon in Dusun which readily adapts Sanskrit. This is not strange because historically the whole Malay Archipelago had Malay as its lingua franca. More importantly, the study shows that Dusun is a flexible and living language that can accept, absorb, and adapt to other language families. The influence of Sanskrit lexicon in Dusun enriches the Dusun language and places it at par with other major languages of the world.

Keywords: Influence, Peripheral, Sanskrit, Language, Dusun.

1. Pengenalan

Masyarakat Dusun

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1999 : 683), masyarakat Dusun dikaitkan dengan penghijrahan orang Mongol dari Mongolia dengan andaian yang rupa paras mereka menyerupai masyarakat Mongol. Mereka tidak dikaitkan dengan keturunan Cina dengan alasan mereka tidak berbahasa dan menulis dengan aksara Cina, akan tetapi mereka dikaitkan dengan keturunan Mongolia yang berperawakan kecil, berkulit kuning langsung dan agak rendah ketinggiannya. Penghijrahan penduduk keturunan Mongolia dari Timur Himalaya secara berperingkat ke pulau Borneo telah menghasilkan suku kaum Dusun yang berbeza dari segi bahasa dan dialek di negeri Sabah. Bagi penulis, teori masyarakat Dusun adalah dari rumpun Mongol boleh disangkal, walaupun mereka mempunyai susuk fizikal seperti Mongol. Sangkalan ini adalah berdasarkan bahawa bahasa Dusun tidak ada kaitan langsung dengan bahasa mahupun aksara Mongol. Tambahan pula seluruh penghijrahan kepulauan Indo-Malayan, dua juta tahun dahulu dikaitkan dengan perawakan ‘Mongoloid’. (Peter Bellwood : 2007). Indo-Malayan merupakan terma yang merujuk kepulauan Nusantara yang mana sebelah kirinya menghadap Lautan Hindi, dibenua India manakala di sebelah kanan pula, terletak benua China di Laut China Selatan. Di antara kedua-dua benua ini terletak “Indo-Malayan Archipelago” iaitu kepulauan Nusantara yang juga dikenali sebagai kepulauan Indo-Melayu atau Indo-Malayan. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pengaruh empayar besar seperti empayar Srivijaya mahupun Majapahit adalah dibawah pengaruh Hindu dan Buddha, manakala benua China pula mempunyai hubungan perdagangan mahupun diplomatik di era Nusantara menjadi pusat Agama Buddha. Indo-Malayan juga merujuk kepada kepercayaan penduduk Malayunesia di bawah kepercayaan Hindu sebelum kedatangan agama Islam dan Kristian di rantau Nusantara yang merangkumi pulau besar

Borneo. Andaian demi andaian dibuat berkenaan dengan asal usul masyarakat Dusun. Antaranya, masyarakat Dusun mungkin berasal dari negara China dan dikaitkan pula dengan kacukan orang China daripada Taiwan. Andaian seterusnya dikaitkan dengan penghijrahan orang Kanchin dan orang Annam dari Myanmar ke Borneo. Walaupun terdapat beberapa andaian, belum ada penemuan teori yang tepat mengenai asal usul masyarakat Dusun, akan tetapi boleh dipercayai orang Dusun merupakan orang asal di kepulauan Borneo. Kenyataan ini disahkan oleh Alliston bahawa orang Kadazandusun hanya ditemui di bumi Sabah. (Low Kok On : 2003: 2). Orang dusun juga terdapat di negara Brunei. Namun begitu adalah tidak dinafikan dan dipercayai wujudnya perkahwinan campur di antara orang Dusun dengan orang-orang China namun tidak dapat dikesan secara baik, bangsa dan budaya perkahwinan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Owen Rutter (Henry Bating : 32). Kesahihan ini diperkuatkan lagi dengan keaslian bahasa masyarakat tersebut yang kurang dipengaruhi secara langsung oleh unsur asing tidak seperti bahasa Melayu mahupun bahasa Nusantara yang lain, terdedah dengan kuasa pemerintahan sebagai empayar di Nusantara pada abad 4 sehingga ke abad 14 mahupun ketika kemasyuran kerajaan Melayu Melaka. Menurut masyarakat Bisaya Beaufort Sabah bahawa orang Bisaya Sabah juga digolongkan dalam rumpun Dusun. Kenyataan ini disahkan oleh salah seorang yang ditemu bual iaitu Encik Radey Hj. Ismail dari kampung Pelajau Beaufort. Beliau menyatakan bahawa terdapat banyak persamaan bahasa Bisaya dengan bahasa Dusun yang boleh dilihat dalam jadual di bawah.

2. Definisi Tajuk

Beberapa istilah yang digunakan dijelaskan mengikut konteks kajian;

2.1. Pengaruh

“Pengaruh” boleh ditakrifkan sebagai daya kepercayaan manusia terhadap sesuatu perkara yang datangnya dari luar dan daya kepercayaan tersebut membawa kepada keyakinan yang membolehkan ianya diterima pakai dari satu budaya ke satu budaya yang lain dalam kehidupan manusia. Contohnya, menerima pakai perkataan ‘Agama’ yang tidak terdapat dalam kosa kata Nusantara, diserapkan ke dalam budaya kepercayaan penduduk Nusantara, selepas kedatangan kepercayaan agama Hindu sebelum kedatangan agama suci Islam. Perkataan ‘Agama’ diserapkan daripada perkataan Sanskrit ke dalam leksis Nusantara untuk memberikan maksud kepercayaan dan beribadat dengan sifat-sifat kepercayaan kepada tuhan. Perkataan ‘Agama’ yang tidak terdapat dalam leksis Nusantara diserapkan secara penuh dengan mengikut sebutan penduduk Nusantara, seiring dengan pertukaran kepercayaan daripada animisme kepada kepercayaan bertuhan. Oleh itu konsep ‘pengaruh’ merupakan tahap kekuatan penyerapan leksis Sanskrit ke dalam leksis bahasa Dusun yang boleh dikesan penggunaan leksis tersebut melalui penyelidikan menjejaki leksis Sanskrit sebagai leksis pinjaman ke dalam bahasa Dusun.

2.2. Leksis Peripheral

Leksis peripheral adalah kosa kata tambahan yang datangnya daripada keluarga bahasa yang berlainan rumpun. Kosa kata tambahan tersebut terserap melalui pertembungan di antara beberapa budaya kehidupan yang berbeza. Pertembungan budaya setempat dengan budaya luar melalui perhubungan lisan manusia secara tidak langsung mengakibatkan berlakunya

proses mengguna pakai leksis peripheral kerana leksis peripheral tersebut tiada dalam budaya bahasa dalam kalangan salah seorang « lokutor » atau « interlokutor » iaitu kedua-dua istilah ini merujuk proses percakapan di antara dua penutur atau ramai bagi membolehkan proses komunikasi difahami. Penyerapan leksis peripheral sedemikian dalam lisan mahu pun tulisan dapat membantu memperkayakan perbendaharaan kata dan menambahkan kosa kata baharu serta memperkuat kewujudan bahasa lokal itu sendiri.

2.3. Sanskrit

Bahasa Sanskrit yang berasal daripada utara India. Ia merupakan bahasa daripada kitab Weda yang dipertuturkan oleh golongan Brahman. Golongan Brahman dianggap berkasta tinggi dan suci. Bahasa ini digolongkan sebagai bahasa yang sama pentingnya dengan bahasa Latin dan Greek. Batu bersurat yang terdapat di Nusantara banyak ditulis dengan menggunakan perkataan Sanskrit. Pengaruh bahasa Sanskrit juga terdapat dalam bahasa Eropah sehingga ibu bahasa Eropah dikenali sebagai bahasa 'Indo-Eropah'.

2.4. Leksis

Leksis merupakan perkataan yang dikenali sebagai morfem. Ianya diwakili oleh elemen linguistik seperti fonem yang membentuk himpunan bunyi. Fonem berperanan membentuk suku kata yang terdiri daripada bunyi vokal dan konsonan serta berperanan membentuk morfem dalam membina makna atau maksud juga dikenali sebagai semantik.

2.5. Bahasa

Bahasa merupakan rantaian bunyi fonem yang membentuk ketulan suku kata. Ketulan suku kata tersebut membina morfem semantik. Rantai beberapa leksis melalui fonem dan morfem membentuk kesatuan leksis yang bersifat unit tatabahasa sintaksis. Dalam erti kata lain bahasa merupakan bunyi yang bersifat tanda dan penanda dalam memberikan lambang dan pengertian maksud sintaksis tersebut.

2.6. Dusun

Dusun merupakan satu kelompok masyarakat yang terdapat di utara Borneo di negeri Sabah. Masyarakat Dusun digalurkan dalam keluarga 'Mongoliad' Nusantara. Kaum ini juga dikenali sebagai kaum Kadazandusun yang dianggotai lebih daripada 27 suku kaum di dalamnya. Antaranya adalah Lotud, Rungus, Sungai, Kuijau dan Tambanoa. Bahasa Dusun ditakrifkan dalam keluarga bahasa Austronesia dibawah sub-keluarga Malayo-Polynesia.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyenarai beberapa leksis serapan Sanskrit yang terkesan dalam bahasa Dusun dan menjelaskan bagaimana berlakunya pengaruh Sanskrit terhadap penyerapan leksis tersebut ke dalam bahasa Dusun.

4. Metodologi

Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa yang berkaitan. Kaedah temu bual juga digunakan untuk mengesahkan penggunaan kata serapan Sanskrit ke dalam bahasa Dusun yang tidak didokumentasikan tetapi digunakan dalam komunikasi harian masyarakat Dusun.

5. Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah yang ditulis oleh Arena Wati : 1978. Dalam bukunya “DUSUN”, Arena Wati meninjau adat resam masyarakat Dusun seperti pantang larang ketika mengandung dan melahirkan anak, adat perkahwinan dan bersemanda, menghalau roh jahat serta beberapa adat lain dalam masyarakat Dusun. Beliau tidak menyentuh secara mendalam asal usul masyarakat Dusun mahupun linguistik bahasa Dusun manakala dalam tulisan Janathan Kandok dan Low Kok On (1978:144), berkenaan dengan “Sundait Warisan KadazanDusun” ada disentuh mengenai panggilan ‘Dusun’ yang dilaporkan oleh Appell. Menurut Appell “Dusun” merupakan istilah yang digunakan oleh orang Islam pesisiran pantai di bahagian barat kepulauan Melayu dan orang Brunei, yang merujuk kepada sekumpulan petani yang menanam padi. Semasa pemerintahan British North Borneo Chartered Company, istilah “Dusun” terus diguna pakai. Dalam buku tersebut juga tidak menyentuh kajian linguistik terutama pengaruh leksis yang terdapat dalam bahasa Dusun. Low Kok On dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah menulis mengenai “ Membaca Masa Silam Masyarakat KadazanDusun Berasaskan Mitos dan Legenda ” juga tidak menyentuh kajian linguistik bahasa Dusun akan tetapi kajiannya lebih tertumpu kepada asal usul manusia dan kewujudan masyarakat KadazanDusun dari sudut mitos dan legenda. Terdapat kajian yang bersifat linguistik seperti kajian “ Pengaruh Morfologi Dalam Pemerolehan Kosa Kata Bagi Penutur Bukan Jati Kadazan Dusun ” yang ditulis oleh Era De Sunrise Simon lebih memfokuskan aspek morfologi dalam bahasa KadazanDusun yang mempengaruhi individu untuk memperolehi kosa kata yang baharu. Kajian lain mengenai “ Puisi Traditional Dalam Pengajaran Pembelajaran Bahasa Kadazan Dusun ” oleh Lina@ Nurlina Bagu : 2016, bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti pengajaran dan pembelajaran kebudayaan dan kesusasteraan bahasa KadazanDusun di kalangan pelajar KadazanDusun. Oleh yang demikian penulisan artikel « **Pengaruh Leksis Peripheral Sanskrit Dalam Bahasa Dusun** » merupakan kajian pertama mengenai pengaruh leksis asing terutamanya leksis Sanskrit dalam bahasa Dusun di Sabah.

6. Perbandingan Leksis Sanskrit Dan Pengaruhnya ke Dalam Bahasa Nusantara Khususnya Dalam Bahasa Dusun

Dalam jadual 1 menunjukkan penyerapan leksis Sanskrit ke dalam bahasa Dusun, melalui pengaruh peripheral bahasa Melayu-Indonesia. Rujukan dibuat dengan menggunakan kamus Sanskrit-Perancis, Indonesia-Perancis dan Dusun/Kadazan. Bagi kamus Sanskrit-Perancis dan kamus Dusun/Kadazan penulis menulis angka pada hujung leksis sebagai rujukan muka surat dalam kamus tersebut. Mana-mana leksis dalam ruangan Kamus Sanskrit-Perancis yang tidak berangka merupakan rujukan leksis daripada buku tatabahasa Sanskrit-Perancis. Semua leksis dalam ruangan kamus Melayu-Indonesia adalah milik kamus tersebut.

Jadual 1

Kamus Sanskrit - Perancis	Kamus Melayu-Indonesia	Kamus Dusun/ Kadazan
aṅka- chiffre (6)	Angka (skr)	Angka (35)
Bhāgin- qui obtient une part (528)	Bagi (bahagi –skr)	Bagi (63)
Vam̐ca –race lunaire (722)	Bangsa (skr- wangsa)	Bansa' (86)
Bhāsa- langue (531)	Bahasa (skr)	Basa' (88)
vicāra	Bicara (skr- Wicara)	Bisala'/ bisara (103)
Danda- amende (335)	Denda (skr)	Danda (143)
Gaja- elephant (222)	Gajah (skr)	Gaja' (172)
-	Gula (skr- gulali)	Gula' (206)
-	Guna (skr)	Guno (206)
krtah – faire (27)	Kerja (skr)	Kalaja (366)
Rājan –roi (602)	Raja (skr)	Laja' (433)
Artha – sens, signification (80)	Arti (skr- erti)	Loti/rati (440)
Rasa- saveur (600)	Rasa (skr)	Losoro/roso (447)
Masa - mois	Masa (skr)	Maso (456)
Mūla- nt, racine ; base	Mula (skr)	Mula (462)
Naga- serpent	Naga(skr)	Naga' (464)
Naraka - enfer (352)	Neraka	Nalaka (464)
-	Ceritera (skr)	Solita / sorita(648)
Çukta- aigre (733)	Cuka(skr)	Souka (667)
Sukha –plaisant (841)	Suka (skr)	Suka (678)
Sukhayati- rendre heureux (842)		
Svarga- residence des dieux	-	Surga (696)
Sutra – cordon sacré -porte en particulier par les Brahmanes (857)	Sutera [sutra-skr)	Sutala (701)

Dalam jadual 1 merupakan senarai leksis yang menunjukkan bentuk penyerapan nyata leksis Sanskrit ke dalam leksis suku kaum borneo “Borneonesia”. Penyerapan leksis tersebut dapat dikesan melalui perubahan bunyi dari leksis asal Sanskrit. Perubahan fonem tertentu menunjukkan bahawa leksis tersebut adalah berasal daripada bahasa Sanskrit. Penyerapan leksis Sanskrit ke dalam bahasa Dusun adalah melalui pengaruh empayar-empayar tertentu seperti empayar Majapahit daripada pulau Jawa yang telah meluaskan pengaruhnya sehingga ke pulau Borneo Utara serta beberapa pemerintahan di zaman kerajaan Hindu di Nusantara seperti kerajaan Srivijaya, termasuk juga kesultanan Melayu Melaka dan juga kesultanan Brunei. Peminjaman leksis Sanskrit hasil komunikasi yang melibatkan perkongsian perdagangan dan perhubungan sosialisasi. Kerajaan-kerajaan sejak awal tahun Masehi adalah kerajaan yang dipengaruhi dengan kerajaan Hindu dan Buddha. Bahasa etnik Sabah menerima pengaruh tidak langsung daripada leksis Sanskrit melalui bahasa Melayu. Ini kerana keseluruhan alam Melayu merupakan kawasan penyebaran bahasa Melayu sebagai *lingua franca* Nusantara yang sudah sedia mengadaptasi leksis Sanskrit sejak abad ke 5 hingga abad ke 15 Masehi di mana banyak kosa kata Sanskrit yang dipinjam untuk ditulis pada prasasti batu.

7. Perbandingan Leksis Sanskrit Dalam Sintaksis Bahasa Dusun

Dalam jadual 2 mempamerkan perbandingan terjemahan ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Dusun. Perbandingan ayat tersebut jelas menampakkan penggunaan leksis peripheral Sanskrit yang diserap melalui pengubahsuaian fonem tertentu untuk penyesuaian sebutan bunyi leksis tersebut ke dalam ayat bahasa Dusun.

Jadual 2

Ayat perbandingan terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Dusun	
Pemimpin agama menyuruh askar-askar Rom untuk memukul Yesus dan membunuhnya.	Pinaraat di boyoon do tugama i Yesus id toguwang di tongo boyoon do Rum om mangai di diyolo bobogo om patayo i Yesus.
Apabila ayah Yosia mati , Yosia menjadi raja Yehuda.	Soira'd napatai i tapa dau, i Yosia noh o't nosiliu'd Raja 'd Yohuda.
Bahagian ini akan mengagihkan tugas kepada para penulis yang berkhidmat di ibu pejabat dan pejabat cawangan di negara-negara tertentu.	Bohogian diti mangatur do pasal di tulison do gomponulis hilo om gomponulis id koinsanai'd pogun suwai.
Awak faham apa yang saya cakap?	Karati ko di nunu binoros ku?
Jadi, dia tidak perlu mati demi dosanya	A'ddi daa minog do matai iyau tu' aiso' o dusa dau.
Bolehkah anda membaca tulisan ini?	Koilo ko mambasa dilo suratan?
Kami berusaha sebaik-baiknya untuk mengisytiharkan “berita baik” kepada “semua bangsa , suku, bahasa, dan negara.” Maka, kami menerbitkan bahan bacaan dalam lebih daripada 750 bahasa.	Bagi'd monotos do popinsusui habar dot osonong dot id “koinsanai'd bansa 'd tulun, om payat, om bansa 'd boros om pomogunan,” momonsoi diri iyahai do kakamot babasaon id lobi' mantad ko' 750 o boros.

Jadual 2, menunjukkan penggunaan leksis Sanskrit « dalam **Bold** » berasimilasi secara harmoni dengan bunyi sebutan suku kaum Dusun. Bahasa Dusun merupakan salah satu bahasa Borneo yang fleksibel. Oleh yang demikian penggunaan leksis Sanskrit dapat dijelaskan dengan perubahan-perubahan fonem seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.


8. Contoh Analisis Linguistik Perubahan Fonem Leksis Pinjaman Sanskrit ke Dalam Bahasa Dusun

Jadual 3 menunjukkan perubahan huruf leksis Sanskrit selepas ianya diserapkan ke dalam bahasa Dusun. Penyerapan penuh iaitu tanpa ada sebarang perubahan fonem seperti leksis “Agama” (Sanskrit)→ Agama (Dusun), “ mula ” (Sanskrit)→ mula (Dusun). Berdasarkan transliterasi yang dibuat daripada bunyi leksis Sanskrit ke dalam bahasa Dusun, huruf **v** bertukar **b**. **m** bertukar **n**. **r** bertukar **l**. Huruf **a** bertukar **o** dan terdapat unsur selitan “ **a** ” seperti dalam leksis “sutra (Sanskrit)→ sut**a**la (Dusun). Perubahan ini dapat diperhatikan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Sanskrit	Dusun/ kadazan	Perubahan Fonem
Āgama	Agama	Penyerapan leksis penuh
Vamṣa	Bansa	V(geseran)→B (letusan); m (sengau [dua bibir])→n (sengau [gusi] ; ṣ →s (geseran)
Vaca	Basa	v → b dan c →s
Vāyu	Sarup /Tongus	Leksis Nusantara
Guru	-	Tiada peminjaman
Harga	Hoogo	Vokal /a/ → /o/
Harta	Halata	Konsonan /r/ → /l/
Rajam	Laja/raja	Konsonan /r /→ /l/
Rasa	Roso	Vokal /a/ → /o/
Mūla	Mula	Penyerapan penuh
Ceritera	Menerita	c→n ; alomorf me /N/; penyisihan /a/
Sutra	Sutala	Penyelitan /a/ Perubahan konsonan /r/ → /l/

Dalam rajah 1 di sebelah jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu yang melingkari ruang ke 2 Indo-Nesos terletak berhampiran dengan keluarga bahasa Indo-Eropah. Indo-Nesos membawa maksud kepulauan Nusantara yang di bawah pengaruh Hindu sebelum kedatangan agama suci Islam. Bahasa Melayu menerima pengaruh awal leksis Sanskrit berbanding dengan bahasa-bahasa etnik Sabah yang lain seperti bahasa Dusun, Kadazan, Lotud, Murut dan beberapa bahasa etnik lain. Terdapatnya leksis peripheral Sanskrit adalah hasil daripada hubungan komunikasi perdagangan dan sosialisasi kerajaan Melayu dengan penduduk etnik Sabah. Perhubungan secara tidak langsung sedemikian membolehkan leksis Sanskrit yang sedia diterima pakai dalam bahasa Melayu tersebar dan diserapkan ke dalam bahasa-bahasa etnik di Sabah hasil hubungan dua hala di antara kerajaan-kerajaan Melayu dengan penduduk di Borneo utara.



PENGARUH SANSKRIT KE DALAM BAHASA DUSUN VIA BAHASA MELAYU

Rajah 1

9. Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Sanskrit merupakan bahasa empayar kerajaan Hindu-Buddha di Nusantara pada abad ke 4 sehingga ke abad 14 oleh kerajaan Srivijaya dan Majapahit. Bahasa Sanskrit merupakan ibu bahasa Eropah yang dikenali sebagai rumpun Indo-Eropah. Pengaruh lexis Sanskrit ke dalam bahasa Dusun lebih kepada pengaruh secara tidak langsung melalui empayar pemerintah Nusantara pada awal tahun Masehi dan pada era semasa (kini) ianya diterima pakai melalui pengayaan bahasa Dusun dengan mengguna pakai lexis Melayu yang telah pun lebih awal mengadaptasi serta memelayukan lexis Sanskrit dengan sebutan Melayunesia. Penyerapan lexis Sanskrit ke dalam bahasa Dusun menunjukkan bahawa bahasa Dusun bukan sahaja mampu menjadi bahasa komunikasi malah sebagai bahasa ilmu seperti mana bahasa-bahasa Indo-Eropah dan bahasa Melayu itu sendiri.

Rujukan:

Arena Wati. 1978. *Dusun*. Penerbitan Yayasan Sabah. Kota Kinabalu.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. 1999. Dewan Bahasa dan Pustaka. Selangor.

Henry Banting. *Nunuk Ragang. Lagenda Asal-usul Kadazandusun*. Percetakan Kolombong Ria Sdn Bhd. Kota Kinabalu.

Janathan Kandok & Low Kok On. 2016. *Sundait Warisan Kadazandusun*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Lina @ Nurlina Bagu. 2016. *Puisi Tradisional (HIIS:TST) Dalam Pengajaran Pembelajaran Bahasa KadazanDusun*. Penyelidikan Bahasa, Budaya Dan Sastera Melayu Serantau 27-28 Julai 2016. IPG Kampus Kent. 2016.

Low Kok On. 2003. *Membaca Masa Silam Berasaskan Mitos dan Legenda*. Disertasi Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu.

Peter Bellwood. 2007. *Prehistory of Indo-Malaysian Archipelago*. ANU Press. Canberra.